

## Buli Siber: Gangguan Seksual Siber Terhadap Selebriti di Laman Media Sosial Instagram

LIYANA MOHD RAMLY  
*Universiti Teknologi MARA*

MOHD AZUL MOHAMAD SALLEH  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

Pengguna Instagram terutamanya dalam kalangan selebriti di Malaysia berdepan dengan risiko buli siber seperti menerima mesej langsung berunsur lucah di dalam talian yang turut dikenali dengan gangguan seksual siber. Gangguan seksual siber ini merangkumi tingkah laku yang menggunakan kandungan digital di pelbagai laman media sosial yang berbeza. Kajian ini meneliti salah satu daripada aspek buli siber iaitu mesej berunsurkan gangguan seksual yang berlaku dalam kalangan selebriti di Instagram. Kajian dilaksanakan terhadap selebriti yang menerima buli siber dalam kategori gangguan seksual siber untuk melihat kesan emosi dan tindakan menangani yang telah diambil oleh selebriti terhadap pelaku buli siber tersebut. Temubual secara mendalam telah dijalankan terhadap 13 informan yang terdiri daripada selebriti lelaki dan wanita di Malaysia. Hasil kajian ini turut membuktikan bahawa kaum lelaki turut menjadi mangsa gangguan seksual siber di zaman sekarang. Kesan emosi yang telah dikenalpasti dari mangsa buli siber jenis gangguan seksual siber ini adalah merasa takut, trauma, marah, tertekan, terganggu, sakit hati dan mangsa turut merasa seperti sentiasa diperhatikan. Tindakan menangani yang sering dipraktikkan oleh selebriti adalah mengabaikan dan sekat pelaku. Namun, gangguan seksual siber ini seharusnya tidak dipandang remeh kerana ia merupakan gejala yang serius. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat banyak kesan emosi yang dialami oleh selebriti. Justeru, selebriti menggunakan pelbagai jenis tindakan dalam satu masa untuk menangani situasi buli siber yang dialami. Implikasi kajian ini menunjukkan penggunaan satu jenis tindakan tertentu tidak menghalang penggunaan jenis tindakan yang lain oleh selebriti. Penyelidikan akan datang boleh mengkaji sama ada tindakan tersebut berkesan atau tindakan tersebut tidak berkesan.

**Kata kunci:** *Gangguan seksual siber, buli siber, Instagram, selebriti, kesan emosi.*

## Cybersexual Harassment Towards Celebrities on Instagram

### ABSTRACT

Celebrities are Instagram users in Malaysia who face the risk of cyberbullying as they receive obscene messages online also known as cybersexual harassment. Cybersexual harassment encompasses a wide variety of behaviours that use digital content on social media sites. This study examined one aspect of cyberbullying, which is cybersexual harassment messages purposely sent to celebrities on Instagram. A study was conducted on celebrities who received cybersexual harassment to examine the emotional impact and coping actions taken by the celebrity against the perpetrators of cyberbullying. In-depth interviews were conducted with 13 informants consisting of male and female celebrities in Malaysia. This study showed that the victims of cybersexual harassment are not only targeting female celebrities, but male celebrities are also categorised as victims in cybersexual harassment. The emotional effects for cybersexual harassment victims that have been identified in this study consist

of 'feeling scared', 'traumatised', 'angry', 'depressed', 'disturbed', 'hurt victim's feelings', and the informant also 'feels like they're constantly being watched'. However, coping mechanisms such as 'ignore' and 'block the perpetrator' had been applied by the informants. Therefore, cybersexual harassment has been classified as severe. Findings show that there are many emotional effects experienced by celebrities. Therefore, celebrities use different types of actions to deal with cyberbullying. The implications of this study show that the use of one specific type of action does not prevent the use of other types of action by celebrities. Future research can examine whether such actions are effective or ineffective.

**Keywords:** *Cyber sexual harassment, cyber bullying, Instagram, celebrities, emotional impact.*

## PENGENALAN

Perkembangan laman media sosial memudahkan, memberi manfaat kepada penggunaanya serta telah digunapakai secara aktif oleh selebriti (Appel, Grewal, Hadi, & Stephen, 2020; Dwivedi et al., 2021). Penggunaan Facebook dan Instagram merupakan laman media sosial yang paling popular terutama dalam kalangan pengguna Internet di Malaysia (Alavi, Mahbob, & Soood, 2020). Kewujudan laman media sosial ini telah mengubah gaya pengurusan diri, dan gaya pemasaran dalam talian di mana selebriti dapat berhubung secara terus dengan pengikut mereka (Schouten, Janssen, & Verspaget, 2020). Selain itu, laman media sosial ini dikatakan mesra, mudah, cepat serta individualistik yang membolehkan masyarakat berkongsi segala aktiviti harian dalam bentuk status penulisan, gambar atau video kepada komuniti maya (Hamzah, 2021). Kajian juga menunjukkan selebriti menggunakan laman media sosial Instagram untuk mengemaskini informasi tentang diri dan informasi mengenai kerjaya untuk meraih tahap penglibatan yang tinggi dengan pengikut sekaligus menjana pendapatan (Ramly, Salleh, & Ali, 2021). Walaubagaimanapun, wacana mengenai buli siber di laman media sosial sering dilihat sejak akhir-akhir ini muncul di akhbar dalam talian.

Justeru, pengguna laman media sosial Instagram di Malaysia kini berdepan dengan risiko buli siber seperti menerima mesej langsung berunsur seksual di dalam talian yang turut dikenali dengan gangguan seksual siber (Basu et al., 2021; Ghani & Ghazali, 2021; Pitchan et al., 2019; Renuat & Kusumaningtyas, 2022). Gangguan seksual siber dalam talian merangkumi pelbagai jenis tingkah laku yang menggunakan kandungan digital (imej, video, saran, mesej langsung) pada pelbagai laman media sosial yang berbeza (peribadi atau awam) (Basu et al., 2021; Reed, Wong, & Raj, 2020; Renuat & Kusumaningtyas, 2022). Gangguan seksual siber boleh membuatkan mangsa merasa terancam, dieksploitasi, dipaksa, dihina, kecewa, dan didiskriminasi (Aryani, Siti Syakirah, & Kamalludin, 2020; Basu et al., 2021). Selain itu, Aryani et al. (2020) menyatakan mangsa turut merasakan maruah mereka seperti telah dicabul dan dimalukan (Basu et al., 2021).

Pengalaman dan kesan gangguan seksual siber adalah unik kepada mangsa buli siber dan boleh memberi kesan jangka panjang terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan mangsa (Burn, 2019; Reed et al., 2020). Burn (2019) turut menyatakan bahawa kesan jangka panjang yang berlaku adalah akibat penganiayaan gangguan seksual siber yang telah dikongsi secara terbuka dalam talian, dan disebabkan hal ini mangsa merasa trauma (Basu et al., 2021). Oleh itu, adalah penting untuk menyedari bahawa tidak ada cara mudah untuk pulih setelah mengalami gangguan seksual siber (Bondestam & Lundqvist, 2020).

Tambahan pula, gangguan seksual siber ini dilakukan oleh pelaku tanpa menggunakan nama sebenar dan mengganggu mangsa secara rawak (Bongiorno, Langbroek, Bain, Ting, & Ryan, 2020; Rajbhandari & Rana, 2022). Walaubagaimanapun, menurut Rajbhandari dan Rana (2022) lagi, ia juga boleh disasarkan kepada mangsa tertentu seperti seorang selebriti

atau individu-individu terkenal (Lorenz & Dwoskin, 2022; Rajbhandari & Rana, 2022). Namun, buli siber jenis gangguan seksual siber ini juga boleh berlaku kepada pelaku dan mangsa yang mengenali antara satu sama lain (Wang & Ngai, 2020; Zhao & Yu, 2021).

Bagaimanapun, penglibatan selebriti dalam penggunaan laman media sosial Instagram adalah penting bagi penjana pendapatan (Appel et al., 2020; Ramly et al., 2021). Selain itu, inovasi dalam teknologi di laman media sosial Instagram telah membolehkan selebriti dan pengikut berinteraksi secara langsung dengan selebriti (Appel et al., 2020; Dwivedi et al., 2021). Namun, disebabkan hal ini selebriti berhadapan dengan risiko buli siber jenis gangguan seksual siber di laman media sosial Instagram (Djafarova & Rushworth, 2017). Tambahan lagi, risiko yang dihadapi oleh selebriti dalam talian kini semakin kerap dan ketara dalam bentuk hantaran tanpa nama kebelakangan ini.

Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk meneliti kesan emosi selebriti terhadap buli siber jenis gangguan seksual siber dan seterusnya meneliti tindakan menangani yang diambil oleh selebriti apabila menjadi mangsa buli siber agar dapat dijadikan panduan kepada selebriti lain dan pengguna-pengguna yang mengalami situasi sama serta dapat memberi kesedaran kepada pelaku buli siber agar kegiatan seperti ini dapat dikurangkan.

Sehubungan dengan itu, artikel ini membincangkan tentang kesan emosi selebriti yang menerima mesej langsung berunsurkan gangguan seksual siber dan tindakan yang diambil bagi menangani situasi dan keadaan seperti ini. Berikut ialah persoalan kajian yang dirumuskan selaras dengan objektif kajian:

1. Bagaimanakah gangguan seksual siber memberi kesan terhadap emosi selebriti?
2. Apakah tindakan yang diambil oleh selebriti terhadap pelaku yang menghantar gangguan seksual siber?

## KAJIAN LITERATUR

### *Gangguan Buli Siber Terhadap Selebriti*

Laman media sosial Instagram ialah alat yang digunakan oleh kebanyakan selebriti untuk berhubung dengan peminat (Appel et al., 2020). Dapatan kajian dari Ferreira et al. (2022) menunjukkan selebriti dan peminat berhubung melalui laman media sosial Instagram dimana selebriti akan sentiasa mengemaskini foto dan video (Ferreira, Crespo, & Mendes, 2022). Begitu juga dengan peminat yang akan melawat akaun Instagram selebriti kegemaran mereka bagi mendapatkan maklumat terkini tentang selebriti tersebut (von Felbert & Breuer, 2022). Ini menunjukkan bahawa laman media sosial memainkan peranan penting dalam komunikasi antara peminat dan selebriti (Ferreira et al., 2022; von Felbert & Breuer, 2022). Namun, kajian lepas menunjukkan terdapat juga unsur-unsur negatif yang boleh memberi ancaman kepada pengguna laman media sosial seperti gangguan seksual siber (Black & Fennelly, 2021).

Gangguan seksual siber ialah satu bentuk buli siber di laman media sosial yang wujud seiring dengan kemajuan teknologi dan internet (Basu et al., 2021; Renuat & Kusumaningtyas, 2022). Beberapa kajian menunjukkan penggunaan laman media sosial sebagai medium komunikasi telah berevolusi ke dalam bentuk gangguan seksual siber seperti Instagram (Basu et al., 2021; Bugueño & Mendoza, 2020; Renuat & Kusumaningtyas, 2022). Ini dibuktikan dengan beberapa bentuk gangguan seksual siber yang sering berlaku di Instagram seperti penyiaran kandungan yang mengandungi subjek seksual, imej atau video yang tidak senonoh, komen berunsurkan seksual, sama ada di ruangan komen atau mesej langsung (Bugueño & Mendoza, 2020; Renuat & Kusumaningtyas, 2022). Fungsi mesej langsung Instagram (*direct*

*message*), atau DM, adalah peribadi dan beroperasi seperti peti masuk e-mel (Moreau, 2022). Disebabkan mesej langsung ini merupakan sesuatu yang privasi (Bates, 2021), maka pelaku boleh mengancam mangsanya secara rahsia kerana ianya sukar dipantau (Bates, 2021; Moreau, 2022).

Kajian lain juga membuktikan bahawa terdapat pelaku buli siber turut membuli dengan memberi komen berbaur seksual di ruangan komen (Bugueño & Mendoza, 2020; Dovi, 2021). Dovi (2021) turut menyatakan ianya dipanggil gangguan seksual siber atau buli seksual siber. Selain itu, kajian menunjukkan bahawa buli siber berunsurkan gangguan seksual siber ini boleh dihantar oleh orang yang tidak dikenali, pada bila-bila masa dan dalam jumlah yang banyak, terus ke mesej langsung tanpa kebenaran (Dovi, 2021; Renuat & Kusumaningtyas, 2022). Terdapat kajian lain yang menyatakan gangguan seksual siber adalah termasuk menghantar mesej berulang dan menyinggung perasaan yang ditujukan kepada orang tertentu, menyebabkan tekanan psikologi dan emosi yang kuat (Renuat & Kusumaningtyas, 2022; Wells et al., 2019). Dapat disimpulkan di sini bahawa gangguan seksual siber ini juga berlaku melalui e-mel, mesej, forum, sembang dan kumpulan perbincangan (Wells, Mitchell, Jones, & Turner, 2019).

Selain itu, berdasarkan data yang diperolehi oleh SAFEnet, organisasi yang berusaha keras untuk hak digital dalam Asia Tenggara (Never Okay Project, 2020) mendedahkan bahawa terdapat banyak bentuk buli siber jenis gangguan seksual siber di mana ianya merangkumi komen bentuk badan, bertanya tentang bahagian aurat individu, menghantar foto, pautan atau video lucah, bertanya kepada mangsa untuk menghantar imej atau video yang terdedah, menimbulkan ancaman rogol, mengajak kepada aktiviti persetubuhan, dan mengaku untuk menggunakan mayat mangsa sebagai imej seksual (Basu et al., 2021; Dovi, 2021; Renuat & Kusumaningtyas, 2022). Perbuatan ini menunjukkan pelaku buli siber merupakan individu yang sudah tidak mempunyai rasa malu dan segan sekaligus membuktikan keruntuhan akhlak dalam kalangan rakyat Malaysia dewasa ini.

#### *Gangguan Seksual Siber Dalam Kalangan Selebriti Antarabangsa*

Menurut Gordon (2022) gangguan seksual siber merupakan salah satu dari cabang buli siber yang membimbangkan. Komen berunsurkan lucah yang tidak bertanggungjawab dan keterlaluan telah dilemparkan kepada pemimpin negara, selebriti, hinggalah orang biasa (El-Dakhs, 2020). Kajian menunjukkan bahawa gangguan seksual siber ini berupaya membawa padah hingga mampu membawa maut ke atas mangsanya (Abaido, 2020). Selain itu, laman media sosial Instagram sering disalahgunakan oleh pelaku gangguan seksual siber untuk membuat serangan peribadi terhadap mangsanya (Alkhalil, Hewage, Nawaf, & Khan, 2021). Selain itu, kajian menunjukkan bahawa gangguan seksual siber ini juga boleh menyebabkan berlakunya kemurungan dan gangguan emosi dalam kalangan selebriti (Skilbred-Fjeld, Reme, & Mossige, 2020).

Kajian lepas turut menunjukkan bahawa selebriti tidak dapat mengawal perbuatan buli siber keterlaluan yang diterima dari warganet hingga memberi kesan negatif terhadap emosi selebriti (Wang et al., 2019). Para sarjana menyatakan ramai selebriti gagal mengawal emosi setelah menjadi mangsa buli siber sehingga melakukan tindakan di luar jangkaan (Auriemma, Iorio, Roberti, & Morese, 2020; Ouvrein et al., 2018; Rajbhandari & Rana, 2022; Saengprang & Gadavani, 2021). Seperti contoh selebriti Demi Lovato pernah telah menjadi mangsa buli siber sehingga memberi tekanan emosi kepadanya (Calhoun & Gold, 2020; Franssen, 2020). Disebabkan hal itu, beliau telah memakan pil yang berbahaya sehingga ditemui tidak sedarkan diri (Franssen, 2020; Joda & Jodha, 2022). Contoh lain adalah seperti

kes buli siber ke atas Selena Gomez. Selena Gomez merupakan antara selebriti yang menerima serangan buli siber kerana mempunyai jumlah pengikut yang mencecah ratusan juta di laman media sosial Instagram (Calhoun & Gold, 2020; Joda & Jodha, 2022; Kanja, 2020).

Menurut Jodha (2022) dan Mattos (2022) tindakan yang telah diambil oleh selebriti tersebut bagi menangani situasi buli siber adalah dengan mengabaikan perbuatan pelaku. Contoh kes buli siber yang seterusnya adalah Zayn Malik yang turut sama pernah menjadi mangsa (Jodha, 2022; Kanja, 2020). Tindakan mengabaikan setiap komen negatif telah diambil namun strategi turut gagal dari menghindarinya (Jodha, 2022; Kanja, 2020). Dapat dilihat disini bahawa walaupun pelaku melakukan serangan di sebalik komputer namun ianya meninggalkan kesan mendalam terhadap mangsanya (Franssen, 2020; Jodha, 2022). Ini terbukti bahawa bukanlah mudah untuk seseorang selebriti itu untuk memastikan kesihatan mental mereka berada di tahap yang terbaik.

#### *Buli Siber dalam Kalangan Selebriti di Malaysia*

Terdapat perbezaan ketara dalam bilangan pengikut di antara selebriti Malaysia dan selebriti antarabangsa. Seperti contoh kes Rozita Che Wan yang pernah menerima gangguan seksual siber seperti mesej-mesej berbau seksual daripada pelaku yang tidak dikenali (Siti Athirah, 2021). Selebriti tersebut merasa marah dan tidak berkompromi dengan pelaku serta akan mengambil tindakan yang tegas jika pelaku semakin melampau (Siti Athirah, 2021; Zhong et al., 2021). Selain dari itu, selebriti tersebut turut mengambil tindakan dengan menyekat akaun pelaku (Burn, 2019; Siti Athirah, 2021). Walaubagaimanapun, terdapat juga kes gangguan seksual siber yang melibatkan selebriti lelaki berlaku di Malaysia.

Seperti contoh seorang selebriti lelaki mengaku bahawa beliau sering menerima gangguan seksual siber melalui mesej langsung di laman media sosial Instagram dan ianya memberi kesan kepada dirinya (Ellyna, 2022). Ini sejajar dengan dapatan kajian lepas, yang menyatakan bahawa gangguan seksual siber sering dikaitkan dengan wanita, namun tanpa disedari ia turut berlaku pada lelaki juga (Adams et al., 2020; Ellyna, 2022; Vogels, 2021). Dapatan kajian lepas mendapati jika lelaki memuji bahagian tertentu yang ada pada wanita, perkara tersebut sangat sensitif tetapi jika ia dilakukan kepada lelaki, ia dianggap normal walaupun jenis komen atau perbualannya berunsurkan lucah yang dikategorikan sebagai gangguan seksual siber (Ellyna, 2022; Vogels, 2021). Walaupun gangguan seksual siber ini bukanlah membuli secara fizikal tetapi ia merupakan satu penderaan secara emosi (Gordon, 2022; Plexousakis, Kourkoutas, Giovazolias, Chatira, & Nikolopoulos, 2019). Pernyataan dari Burn (2019), mengatakan perbuatan gangguan seksual siber ini mengaibkan, menjatuhkan maruah dan boleh mencetuskan kemurungan (Burn, 2019; Ellyna, 2022).

Justeru, gangguan tidak semestinya berlaku terus secara fizikal dan ianya boleh terdetus disebabkan perkataan (Renuat & Kusumaningtyas, 2022). Makanya, jika perkataan itu dinormalisasikan pasti ia akan disusuli dengan perbuatan oleh si pelaku. Oleh itu, budaya menormalkan gangguan seksual siber ini adalah tidak wajar kerana ia mampu memberi kesan kepada pembentukan budaya bangsa. Oleh yang demikian, fokus kajian ini adalah selebriti sebagai salah satu golongan yang menjadi sasaran pelaku buli siber terutamanya di Malaysia. Gangguan seksual siber dalam kalangan selebriti ini seharusnya tidak dipandang remeh kerana ia merupakan gejala yang serius. Dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan kepada golongan yang menerima nasib yang sama terutamanya jika ianya berlaku dalam kalangan remaja.

### *Tindakan Selebriti Menangani Gangguan Seksual Siber Menjadi Tauladan*

Ini adalah disebabkan kerana gaya hidup selebriti membuatkan ramai remaja cenderung mengidolakan selebriti sekaligus membolehkan penerapan kognitif sosial terhadap remaja yang meniru gaya selebriti melalui laman media sosial Instagram (Chen, Xie, Zhang, & Li, 2021). Selebriti merupakan pengaruh penting dalam tingkah laku manusia, mekanisme psikologi, sosial dan biologi (Hoffman & Tan, 2015; Selkie, 2022). Tingkah laku dan mesej yang ditonjolkan oleh selebriti mempunyai implikasi terhadap pengikutnya terutamanya dalam kalangan remaja (Selkie, 2022).

Oleh yang demikian, perlakuan atau tindakan yang diambil oleh selebriti dalam usaha menangani gangguan seksual siber boleh menjadi contoh untuk ditiru oleh golongan remaja. Ini kerana terdapat kajian lepas menunjukkan bahawa golongan remaja merupakan golongan majoriti pengikut laman media sosial Instagram selebriti (Djafarova & Rushworth, 2017; Ferreira et al., 2022; von Felbert & Breuer, 2022). Justeru, selebriti yang menjadi mangsa gangguan seksual siber ini sedang memperjuangkan perkara yang benar-benar telah dialami oleh mereka (Bernama, 2018). Disebabkan selebriti berada di pandangan mata umum, remaja dan orang ramai mempunyai peluang untuk belajar dan mengambil iktibar daripada selebriti cara menangani gangguan seksual siber. Justeru, tiada seorang pun individu di dunia ini, baik wanita mahupun lelaki yang wajar menerima perlakuan jijik seperti gangguan seksual siber yang tentunya bukan satu keinginan dari mangsanya.

### *Strategi Menangani Gangguan Seksual Siber*

Menjadi mangsa buli siber adalah pengalaman yang memberi tekanan dan boleh membangkitkan emosi negatif (Saha, Chandrasekharan, & De Choudhury, 2019). Ketika individu berupaya untuk menguruskan situasi tekanan melalui kognitif, emosi, dan usaha tingkah laku ditakrifkan sebagai menangani (Lazarus & Folkman, 1987). Berdasarkan Model Transaksi Tekanan dan Pengendalian atau *Transactional Model of Stress and Coping* (TMSC) (Lazarus & Folkman, 1987), Frydenberg (2008) mencadangkan tipologi daya tindak untuk mangsa buli siber terdiri daripada tiga gaya daya tindak yang terdiri daripada:

1. Merujuk kepada orang lain termasuk strategi untuk melibatkan diri dengan orang lain untuk menangani, seperti mencari sokongan emosi daripada kawan rapat atau ahli keluarga (sokongan rapat) atau meminta nasihat bermaklumat dan instruktif daripada profesional lain.
2. Gaya daya tindak produktif terdiri daripada strategi untuk menangani tekanan dan termasuk mempertahankan diri dan berhadapan dengan pelaku buli siber tanpa menyebabkan apa-apa kemudaratan (*assertiveness*). Ia juga termasuk strategi seperti menyekat pelaku buli siber untuk melindungi maklumat peribadi secara dalam talian untuk meningkatkan perlindungan (teknik menangani). Gaya daya tindak yang digunakan dengan niat atau kepercayaan terhadap kebolehan mengurus atau mengubah masalah yang menyebabkan tekanan.
3. Gaya daya tindak yang tidak produktif termasuk strategi seperti mengatasi melalui tindakan balas (*retaliation*) atau kepercayaan bahawa seseorang itu tidak mampu menangani kejadian buli siber (ketidakberdayaan). Gaya daya tindak yang tidak produktif dianggap sebagai tiada tindakan ini kerana terdapat kepercayaan bahawa seseorang tidak boleh mengubah atau menghentikan tekanan.

Kajian mengenai bagaimana selebriti menghadapi buli siber dalam kategori gangguan seksual siber adalah terhad. Baru-baru ini, penyelidikan kuantitatif berdasarkan skala multi-dimensi untuk mengukur mengatasi buli siber mendedahkan bahawa mangsa buli siber menggunakan daya tindak teknikal, ketegasan, dan sokongan teman rapat, diikuti dengan ketidakberdayaan/menyalahkan diri sendiri, pembalasan, dan nasihat (Wachs, Gámez-Guadix, Wright, Görzig, & Schubarth, 2020; Wachs et al., 2022). Walaupun penyelidikan awal telah meningkatkan pemahaman kita tentang bagaimana selebriti menghadapi buli siber, hampir tiada maklumat tentang kesan emosi dan tindakan menangani gangguan seksual siber berkaitan dengan penglibatan selebriti dalam buli siber sebagai mangsa. Memandangkan kajian mengenai menangani buli siber dalam kalangan selebriti adalah terhad, kajian ini akan mengkaji kesan emosi dan tindakan untuk menghadapi gangguan seksual siber dalam kalangan selebriti di laman media sosial Instagram.

## METODOLOGI

### *Pendekatan Kajian*

Kaedah kualitatif dipilih kerana ia memberi penjelasan dan sekaligus maklumat deskriptif dapat dikumpulkan. Oleh itu, kaedah kualitatif telah diguna pakai dengan mempertimbangkan tujuan dan metodologi penyelidikan kajian ini (Busetto, Wick, & Gumbinger, 2020). Sesi temu bual secara mendalam telah dijalankan terhadap 13 orang informan yang dipilih secara pensampelan bola salji. Kajian epidemiologi berskala besar, atau tinjauan, kajian dalam konteks komunikasi telah menjalankan penyelidikan melalui temubual secara mendalam dengan sekurang-kurangnya 8-13 informan jelas menunjukkan ketepuan (DeJonckheere & Vaughn, 2019).

Dalam kajian lain pula mendapati bahawa ketepuan data berlaku dalam 12 temubual pertama dengan 92% kod yang dikenal pasti di dalamnya (Muellmann, Brand, Jürgens, Gansefort, & Zeeb, 2021). Selain itu, ramai pakar bersetuju bahawa capaian tahap tepu adalah ideal (Guest, Namey, & Chen, 2020; Hennink & Kaiser, 2022). Terdapat kajian yang menyatakan penggunaan ukuran sampel yang kecil, tetapi mempunyai nilai yang tinggi mampu mewakili jumlah yang mencukupi untuk projek penyelidikan (Sim, Saunders, Waterfield, & Kingstone, 2018; Vasileiou, Barnett, Thorpe, & Young, 2018).

Biasanya ukuran sampel yang kecil ini digunakan untuk mengkaji populasi yang sukar dijangkau (Abrams, 2010; Raifman, DeVost, Digitale, Chen, & Morris, 2022) seperti golongan selebriti. Menurut Raifman (2022) lagi, tidak ramai penyelidik mampu mendapatkan akses atau menjangkau jenis kumpulan ini. Tambahan lagi, konsep 'maklumat tepu' sebagai prinsip panduan pragmatik, menunjukkan bahawa semakin banyak maklumat yang diberikan oleh sampel, semakin kecil ukuran sampel yang diperlukan, dan sebaliknya (Petropoulos et al., 2022). Pengenalpastian dan pemilihan informan adalah proses penting yang perlu dijalankan untuk mengelakkan sebarang bias (Braun & Clarke, 2019; Busetto et al., 2020).

Kriteria informan adalah berdasarkan populariti seperti yang ditunjukkan dalam bilangan pengikut yang melebihi 10,000 orang di laman media sosial Instagram. Informan terdiri daripada selebriti yang mempunyai latar belakang seperti penyanyi, pelakon, pelawak, model pengacara dan usahawan. Selain itu, kajian ini diikuti syarat dan kriteria kawalan dalam mengenal pasti dan memilih informan spesimen iaitu i) Pengguna Instagram yang aktif ii) Kesemua informan adalah merupakan selebriti yang tinggal di Malaysia.

### *Data Demografi*

Bahagian ini akan membincangkan hasil kajian yang telah diperolehi daripada teknik analisis tematik terhadap maklum balas dari informan kajian ini. Berikut merupakan Jadual 1 yang menunjukkan data demografi informan bagi kajian ini;

Jadual 1: Demografi dan pelabelan temubual mendalam informan berstatus selebriti

No.	No. Label	Jantina	Umur	Bilangan Pengikut
1.	SW01	Perempuan	22	16 ribu
2.	SW02	Perempuan	22	86.7 ribu
3.	SW03	Perempuan	22	44 ribu
4.	SL04	Lelaki	27	1.1 juta
5.	SL05	Lelaki	36	1.1 juta
6.	SL06	Lelaki	30	803 ribu
7.	SW07	Perempuan	21	1 juta
8.	SW08	Perempuan	30	443 ribu
9.	SL09	Lelaki	36	924 ribu
10.	SW10	Perempuan	35	1.3 juta
11.	SW11	Perempuan	30	258 ribu
12.	SW12	Perempuan	21	520 ribu
13.	SW13	Perempuan	30	12.8 ribu

Berdasarkan Jadual 1 dapat dilihat demografi umur bagi kajian ini adalah dari 20 tahun hinggalah ke usia 36 tahun yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Kesemua informan adalah berbangsa Melayu. Jika dilihat daripada skop bilangan pengikut Instagram, bilangan pengikut bagi informan ini bermula dari 10 ribu pengikut hingga ke 1.3 juta pengikut. Ini kerana lebih ramai pengikut maka lebih banyak pengalaman yang dapat dikongsikan oleh selebriti kepada penyelidik (Ahmadi, Fakhimi, & Ahmadi, 2022).


### *Kaedah Analisis Tematik*

Kajian ini diteruskan dengan kaedah analisis seterusnya - Analisis Tematik (Braun & Clarke 2019). Objektif utama analisis ini adalah i) untuk mengenal pasti kesan emosi yang dirasakan; dan ii) untuk mengelaskan tindakan yang dipilih oleh selebriti.

Kajian ini mengadaptasi panduan empat fasa rangka kerja prosedur dalam menjalankan analisis tematik disediakan oleh Braun dan Clark (2019). Dalam Braun dan Clark, rangka kerja empat fasa untuk melakukan analisis tematik melibatkan empat langkah prosedur, iaitu Langkah 1: Membiasakan dengan data; Langkah 2: Menjana kod permulaan; Langkah 3: Menentukan kod induktif; dan Langkah 4: Menghasilkan laporan. Kemudian, kajian telah mengekstrak transkrip yang telah diambil daripada maklum balas informan yang di temubual (Braun & Clarke, 2019). Berikut merupakan prosedur setiap langkah yang akan diterangkan dalam subtopik berikut;



## Prosedur Analisis Tematik



Rajah 1: Prosedur analisis tematik

*Langkah 1: Membiasakan Data.* Dalam langkah ini, transkrip dalam kajian ini dibaca beberapa kali bagi mengenal pasti elemen kesan emosi yang dirasakan dan tindakan yang diambil oleh selebriti. *Langkah 2: Menjana Kod Permulaan.* Dalam langkah ini, kajian mengekodkan data dengan merujuk kepada soalan temu bual untuk mendapatkan cara yang lebih sistematik dalam penjana kod sepanjang proses pengekodan. Kemudian, kajian membangunkan kod berdasarkan perspektif kajian dan objektif kajian. Kajian ini mengekodkan data yang berkaitan dengan menerima gangguan seksual di laman media sosial Instagram, kategori pelaku gangguan seksual siber, kesan emosi terhadap informan dan tindakan yang diambil oleh informan.

*Langkah 3: Menentukan Kod Induktif.* Dalam langkah ini, kajian ini beralih daripada kod deduktif kepada kod induktif. Langkah ini melibatkan proses asas menghasilkan kod induktif dan kod terbitan dan kemudian, meletakkannya kedua-duanya ke dalam kategori kod induktif. *Langkah 4: Menghasilkan Laporan.* Langkah terakhir analisis ialah penghasilan laporan, untuk meringkaskan semua keputusan yang diperolehi daripada analisis tematik. Tujuan daripada laporan itu adalah untuk menyediakan data tentang kajian, berdasarkan analisis. Oleh itu, Rajah 1 menggambarkan Prosedur Analisis Tematik, untuk menunjukkan aliran analisis yang dinyatakan di atas.

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam penyelidikan ini, beberapa tema melalui analisis tematik telah ditemui, dipilih dan diambil dari maklum balas informan yang terlibat (Braun et al., 2019). Berikut merupakan faktor-faktor penglibatan selebriti dalam penggunaan laman media sosial Instagram. Semua maklum balas telah disusun menjadi empat tema seperti berikut:

- I. Gangguan seksual siber di laman media sosial Instagram
- II. Kategori Pelaku
- III. Kesan emosi apabila menerima gangguan seksual siber
- IV. Tindakan yang diambil terhadap pelaku

Jadual 3: Tema dan kategori

Tema	Sub-Tema
1. Gangguan Seksual di Laman Media Sosial Instagram	a. pernah menerima gangguan seksual b. tidak pernah menerima
2. Kategori Pelaku	a. lelaki dewasa b. wanita dewasa c. remaja d. tidak dapat dipastikan jantina
3. Kesan terhadap emosi apabila menerima gangguan seksual siber	a. merasa terganggu dan tertekan b. takut orang perangkap untuk menjatuhkan reputasi c. marah / sakit hati d. rasa sentiasa diperhatikan e. tidak merasa apa-apa
4. Tindakan yang diambil terhadap pelaku	a. mengabaikan (tidak berdaya) b. sekat pelaku c. <i>report user</i> beramai-ramai d. buat hantaran kesedaran mengenai gangguan seksual siber

#### Tema 1: Gangguan Seksual Siber di Laman Media Sosial Instagram

Hasil dapatan mendapati 23 peratus informan menyatakan tidak pernah menerima sebarang gangguan seksual siber. Menurut informan SW10 beliau tidak pernah menerima sebarang mesej berbaur lucah yang ditujukan kepadanya ini berkemungkinan kerana informan SW10 mempunyai bentuk tubuh yang agak besar. Ini menunjukkan pelaku gangguan seksual siber ini lebih menjerus kepada mangsa yang mempunyai penampilan yang menarik.

Manakala sebanyak 77 peratus daripada informan menyatakan bahawa mereka pernah menerima gangguan seksual siber di laman media sosial Instagram. Dapatan turut menunjukkan bahawa selebriti berjantina lelaki dan wanita kedua-duanya pernah menerima gangguan seksual siber dari pelaku yang tidak dikenali. Ini menunjukkan bahawa gangguan seksual siber kepada selebriti di laman media sosial adalah wujud dan semakin berkembang dalam kalangan pelaku di Malaysia. Menurut informan SW12 beliau setiap hari menerima gambar lucah lelaki dan perempuan beserta dengan ayat lucah di *mesej langsung* Instagramnya.

Ini sejajar dengan pernyataan dari *Cyberbullying Research Center 2020*, yang menyatakan telah menerima banyak e-mel dan panggilan telefon daripada orang dewasa yang mangsa buli siber (Meldrum, Patchin, Young, & Hinduja, 2022). Informan Sw11 menyatakan beliau terkejut setiap kali menerima mesej berbaur lucah di Instagramnya dan menganggap pelaku adalah berpenyakit mental. Manakala, informan SW07 merasa geli setiap kali menerima *mesej langsung* berbaur lucah tersebut. Menurut informan SW08 pula beliau dan suaminya sering menerima video lucah dari pelaku yang tidak dikenali wajahnya. Justeru, dapatan ini menunjukkan bahawa gangguan seksual siber terbukti turut memberi kesan negatif kepada golongan dewasa dewasa juga. Hal ini dibuktikan dengan dialog-dialog berikut;

Jadual 4: Tidak pernah menerima mesej gangguan seksual

Tema 1	Tidak Pernah Menerima Mesej Gangguan Seksual
Gangguan Seksual di Laman Media Sosial Instagram	Tak ada! Tu lah masalahnya! Cuma hantar DM kutuk fizikal adalah... -Informan SW10
	Emm, lucu...buat masa ni tak pernah lagi, I tak pernah dapat apa-apa lagi. So buat masa ni tak ada lagi. Haa, takda. Kalau macam lucu-lucu ke tak ada lagi...-Informan SW03
	Aaaa lucu takde lah, cuma satu video tu je... yang nak mengorat tu ada lah...- Informan SW02

Jadual 5: Pernah Menerima Mesej Gangguan Seksual

Tema 1	Pernah Menerima Mesej Gangguan Seksual
Gangguan Seksual di Laman Media Sosial Instagram	Ada..pernah..oleh orang yang tak dikenali... - Informan SW13
	Saya setiap hari dapat gambar lelaki, <i>nude pictures</i> semua saya dapat, perempuan pun sama, <i>nude pictures</i> perempuan. Haaa...lepas tu dengan mmm...ayat-ayat lucu lah semua... -Informan SW12
	Itu memang ada... Hahaha...itu lah, kadang-kadang aku memang ketawa dulu... macam "apooo kau ni gila ke apa?" ...-Informan SW11
	Ada! Geli lah macam "apa benda ni" ...-Informan SW07
	Banyak...video pun ada...hahaha... suami saya pun dapat video lucu juga...- Informan SW08
Ya banyak... ada banyak dekat Instagram...-Informan SW02	

*Tema 2: Kategori Pelaku yang Memberi Gangguan Seksual Siber*

Dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 62 peratus pelaku yang memberi gangguan seksual siber kepada informan adalah golongan yang tidak dapat dipastikan jantina atau umur. Informan SW07 menyatakan, pelaku tersebut tidak meletakkan sebarang gambar di akaun Instagramnya. Ini sejajar dengan beberapa dapatan kajian yang mendapati bahawa berkemungkinan besar pelaku menggunakan akaun Instagram palsu yang tidak mempunyai sebarang butiran di dalamnya mengenai diri pelaku (Alkhalil et al., 2021; Cuncic, 2022).

Seterusnya, golongan lelaki merupakan golongan pelaku yang agak ramai berbanding wanita dan remaja iaitu sebanyak 62 peratus dengan kekerapan respons sebanyak 8 kali. Dapatan mendapati informan wanita kerap menerima mesej berbaur lucu dari golongan lelaki. Manakala, pelaku dalam kategori golongan wanita sebanyak 38 peratus didapati merupakan pelaku yang memberi gangguan seksual siber kepada informan lelaki dan juga informan wanita. Menurut informan SL04 dan SL05 mereka sering menerima mesej berbaur lucu dari golongan wanita dan juga dari golongan lelaki.

Seterusnya, golongan remaja juga dilihat telah berkecimpung dalam melakukan perbuatan memberi gangguan seksual siber kepada selebriti iaitu sebanyak 23 peratus dengan kekerapan sebanyak 3 kali dan ini merupakan hal yang sangat membimbangkan. Informan SW13 menyatakan pelaku golongan remaja ini berusia dalam lingkungan 13 hingga 14 tahun. Informan SW13 turut menyatakan rasa bimbang melihat fenomena gangguan

seksual siber yang melibatkan pelaku dari golongan remaja ini. Ini adalah sejajar dengan penemuan kajian dari Throuvala (2021), yang menyatakan peningkatan kebebasan dan memberikan kemungkinan untuk berhubung dengan orang lain yang tidak dikenali dilihat oleh kanak-kanak sebagai sumber peluang untuk membuat kawan baru. Walaubagaimanapun, ia dicirikan sebagai tingkah laku berisiko tinggi oleh ibu bapa atau peluang untuk anak-anak melanggar peraturan (Throuvala, Griffiths, Rennoldson, & Kuss, 2021).

Dapat disimpulkan di sini bahawa, majoriti pelaku buli siber yang gemar memberi gangguan seksual siber ini telah mengambil langkah selamat secara menyembunyikan identiti sebenar mereka daripada pengetahuan umum (Kaur & Saini, 2022). Pernyataan dari Zhao dan Yu (2021) yang menyatakan buli siber mempunyai ciri-ciri tanpa nama, maya, dan penyembunyian (Abaido, 2020; Saladino, Eleuteri, Verrastro, & Petruccelli, 2020). Berbanding dengan buli secara bersemuka, buli siber berlaku dalam persekitaran dalam talian, di mana mangsa tidak dapat mengenali identiti pembuli siber dengan cepat (Wang & Ngai 2020; Zhu et al., 2021).

Pelaku buli siber sering menganggap diri mereka tanpa nama (Wang & Ngai 2020). Kebanyakan mesej berunsurkan gangguan seksual dihantar dalam bentuk nama samaran, memberikan peluang untuk pelaku buli siber bersembunyi (Yang, Wang, Chen, & Liu, 2018). Hal ini dibuktikan dengan dialog-dialog berikut;

Jadual 6: Pelaku tidak dikenali

Tema 2	Tidak Dikenali
<b>Kategori Pelaku</b>	<i>I don't know...basically</i> yang hantar benda-benda tak senonoh macam tu... <i>account</i> dia tak ada apa-apa, <i>account</i> dia kosong... tak <i>post</i> apa-apa... <i>Default picture</i> tak ada... <i>so</i> macam... "ni apa ni?, kenapa ni?" -Informan SW07
	Tidak kenal sebab dia tunjuk video benda dia, tak tunjuk muka... <i>so</i> tak kenal... -Informan SW08
	Tak kenal, tak kenal...-Informan SL09

Jadual 7: Pelaku golongan lelaki

Tema 2	Pelaku Golongan Lelaki
<b>Kategori Pelaku</b>	...tapi jantina biasa memang lelaki lah... -Informan SW13
	perempuan tak ada...tak pernah... <i>usually</i> lelaki lah semua... -Informan SW07
	...yang lelaki pun ada...-Informan SL04

Jadual 8: Pelaku golongan wanita

Tema 2	Pelaku Golongan Wanita
<b>Kategori Pelaku</b>	Aaa perempuanlah. Tapi-tapi dia bukan orang sini. Banyak macam orang Thailand la, guna <i>fake account</i> gambar-gambar orang Thailand, gambar-gambar macam seksi...-Informan SL09
	<i>So</i> , diorang hantar gambar diorang, lelaki perempuan semua ada.. -Informan SL05
	Aah...perempuan... bagi mesej tak senonoh... -Informan SL04

Jadual 9: Pelaku golongan remaja

Tema 2	Pelaku Golongan Remaja
<b>Kategori Pelaku</b>	<p>Ya... kadang-kadang 13-14 tahun... Tak tahu lah <i>fake account</i> ke apa ...tapi biasa benda benda macam ni, bila berlaku <i>first thing first</i> memang kita memang akan tengok <i>profile</i> dia... Haa... <i>and then</i> kita akan tengok <i>tagged photo</i>... Memang budak... Instagram ni bahaya sangat kalau remaja yang pakai sebab kita tak boleh <i>control</i>...          -Informan SW13</p> <p>kebanyakan yang hantar tu... Kebanyakannya saya tak kenal lah. Tapi yang hantarnya mungkin budaklah...-Informan SL05</p>

*Tema 3: Kesan Terhadap Emosi Apabila Menerima Gangguan Seksual Siber*

Terdapat beberapa kesan emosi yang dirasakan oleh selebriti apabila menerima gangguan seksual siber telah dikenalpasti. Kod induktif 'takut orang ingin jatuhkan reputasi' merupakan kod yang mempunyai kekerapan tertinggi iaitu sebanyak 5 kali atau 38 peratus. Kekerapan seterusnya yang tertinggi adalah sebanyak 3 kali atau 23 peratus masing-masing merupakan kod induktif 'merasa terganggu dan kod induktif 'trauma merasakan ianya satu perangkap'. Kod induktif seterusnya adalah kod induktif 'marah', kod induktif 'sakit hati' dan kod induktif 'tidak merasa apa-apa' dengan kekerapan sebanyak dua kali atau 15 peratus.

Selain itu, kod induktif 'tertekan' dan 'rasa diperhatikan' kedua-duanya telah ditukarkan menjadi kod terbitan kerana mempunyai kekerapan sebanyak satu kali atau 7.7%. Kajian ini menunjukkan terdapat pelbagai reaksi emosi telah diberikan oleh informan berstatus selebriti apabila menerima gangguan seksual siber di laman media sosial Instagram. Gangguan seksual siber ini juga boleh mengakibatkan trauma kerana ianya tidak berperikemanusiaan sehingga mangsa menjadi tekanan emosi dan fizikal serta turut mendapat penyakit mental dan fizikal yang berkaitan tekanan (Buchanan et al., 2018; Buchanan, 2020; Burn, 2019).

Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa gangguan seksual ini telah memberi kesan emosi 'takut' yang ketara kepada informan. Informan turut berpendapat mesej berunsurkan seksual ini merupakan satu taktik untuk menjatuhkan reputasi seorang selebriti. Ini kerana terdapat beberapa kes yang tular berkaitan selebriti yang melayan mesej-mesej berunsurkan gangguan seksual terutamanya dalam kalangan selebriti lelaki. Selain itu, kod deduktif 'takut' ini juga berkait rapat dengan kesan emosi 'trauma' dalam diri informan kerana khuatir ia merupakan satu perangkap yang berupaya menjatuhkan reputasi selebriti. Ini menunjukkan bahawa gangguan seksual siber ini boleh mengganggu prestasi dan aspirasi kerjaya dengan mewujudkan persekitaran yang menakutkan sama ada sengaja atau tidak (Burn, 2019; Jacobson & Eaton, 2018). Seperti contoh kes pendakwah selebriti Ebit Lew.

Dapatan kajian ini adalah sejajar dengan dapatan Burn (2018) di dalam kajiannya turut menyatakan bahawa mangsa buli siber menganggap gangguan seksual siber sebagai menjengkelkan, menyinggung perasaan, menakutkan dan merasa tertekan menerimanya. Walaubagaimanapun, terdapat 2 informan yang menyatakan gangguan seksual siber tidak memberi kesan kepada emosi mereka. Bukti-bukti perbualannya adalah seperti berikut;

Jadual 10: Emosi merasa terganggu dan tertekan

Tema 3	Emosi merasa terganggu dan tertekan
<p><b>Kesan terhadap emosi apabila menerima gangguan seksual siber</b></p>	<p>...mula kita akan rasa kelakar tapi bila berlarutan tu mmm... Saya rasa terganggu.. -Infoman SW13</p> <p>...ada sikit rasa trauma dan tertekan. Takut..rasa scary.. - Informan 13</p>

Jadual 11: Emosi takut orang menjatuhkan reputasi

Tema 3	Emosi takut orang menjatuhkan reputasi
<p><b>Kesan terhadap emosi apabila menerima gangguan seksual siber</b></p>	<p>...tapi saya buat tak layan tahu... saya tahu benda itu ....saya ignore sahaja.... saya tahu benda itu kalau saya jawab.... Saya takut perangkap nak menjatuhkan reputasi saya... jangan layan lah, kita tahu benda itu boleh menimbulkan penyakit... -Informan SL06</p> <p>So bagi saya nak hantar, kita tak layan lah haa... Perangkap lah, maksudnya, nak <i>famous</i> zaman sekarang ni, nak <i>famous</i> pun senang. Nak orang jatuhkan kita pun senang je... -Informan SL05</p> <p>Aah tak ada tak ada...buat tak tahu sahaja... bahaya... bahaya... dia <i>triggered</i> kita sahaja... <i>Triggered</i> kita untuk reply sahaja... dia memang tunggu <i>time</i> kita nak masuk sahaja... tak tahu lah kadang-kadang tu <i>legit</i> ke tak <i>legit</i> kan...dia memang tunggu <i>time</i> kita <i>text</i> dia balik sahaja... -Informan SL04</p>

Jadual 12: Emosi marah / sakit hati

Tema 3	Emosi marah / sakit hati
<p><b>Kesan terhadap emosi apabila menerima gangguan seksual siber</b></p>	<p>...kalau lama-lama saya akan marah, saya cakap "sebelum aku azankan dekat telinga kau, baik kau taubat"... -Informan SW11</p> <p>Walaupun dalam hati rasa macam marah dan sakitnya hati, kenapalah aku kena haa... kiranya benda tu <i>sexual harassment</i> lah untuk kita. Dia jadikan kita untuk bahan yang tidak baik... -Informan SW12</p>

Jadual 13: Emosi rasa seperti sentiasa diperhatikan

Tema 3	Emosi rasa seperti sentiasa diperhatikan
<p><b>Kesan terhadap emosi apabila menerima gangguan seksual siber</b></p>	<p>Aah takut...sebab mana tahu dia orang yang macam lepas kita <i>block</i> kan, dia orang rasa dendam dan dia orang cari kita...macam susah juga... - Informan SW02</p>

Jadual 14: Emosi tidak merasa apa-apa

Tema 3	Emosi tidak merasa apa-apa
Kesan terhadap emosi apabila menerima gangguan seksual siber	Aa.. perkara ni tak ada bagi kesan sangat pada saya... saya bukan jenis perempuan yang duduk rumah... saya suka keluar... -Informan SW07
	Tak ada langsung mengganggu hubungan dengan suami atau emosi saya. Kita orang macam buat tak tahu sahaja... -Informan SW08
	...tak takut sebab saya dah jumpa macam-macam orang... -Informan SW01
	Tak terganggu. Biar je lah! Saya biarkan je. Selagi dia tak mengganggu saya punya perjalanan, tak ada, tak ada ganggu macam jadi gossip ke apa ke, saya biarkan je... -Informan SL09

*Tema 4: Tindakan yang Dilakukan oleh Selebriti Apabila Menerima Gangguan Seksual Siber*

Dapatan menunjukkan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh informan berstatus selebriti apabila menerima gangguan seksual siber. Kod indukif yang mempunyai kekerapan tertinggi adalah kod 'mengabaikan' sebanyak 8 kali iaitu 62 peratus telah disebut di dalam respons informan. Ini menunjukkan majoriti informan mengambil tindakan untuk mengabaikan sahaja sebarang gangguan seksual siber di laman media sosial Instagram mereka. Majoriti informan wanita dalam kajian ini tidak melayan dan tidak menjawab sebarang mesej langsung berbaur lucah yang diberikan kepada mereka. Informan lelaki turut mengambil pendekatan yang sama. Ini kerana menurut informan SW10, beliau mengambil tindakan mengabaikan kerana tidak mahu memanjangkan cerita dan sekaligus dapat menjaga perasaan ibu dan keluarganya.

Seterusnya, kod induktif 'sekat pelaku' mempunyai kekerapan sebanyak 4 kali iaitu 31 peratus. Selain dari mengabaikan para informan wanita turut menyekat pelaku yang membuat gangguan seksual siber kepada mereka. Walaubagaimanapun, menurut informan setelah pelaku di sekat, pelaku tersebut akan membuat akaun baru yang lain dan berkali-kali menghantar semula pelbagai jenis gangguan seksual siber kepada informan. Perkara ini membuatkan informan merasa lebih tertekan.

Selain itu, beberapa kod induktif telah bertukar menjadi kod terbitan kerana mempunyai kekerapan sebanyak sekali atau 7.7 peratus. Kod-kod terbitan tersebut adalah '*report user* beramai-ramai', dan buat hantaran kesedaran mengenai gangguan seksual siber'. Menurut informan SW12 tindakannya membuat hantaran kesedaran di *Insta Story* adalah penting kerana ianya boleh dijadikan satu amaran dan juga sebagai panduan kepada pengguna lain yang turut menghadapi masalah yang sama dengan pelaku gangguan seksual siber ini. Satu kajian mendapati bahawa tindakan yang paling kerap digunakan oleh selebriti ialah mengabaikan buli siber apabila menjadi mangsa buli siber, kemudian diikuti dengan melaporkannya kepada penyedia perkhidmatan dalam talian (*report user*), bercakap kepada rakan mengenainya, menyekat pelaku buli siber, membalas secara terbuka kepada pelaku dan melaporkan tingkah laku kepada polis (Wachs et al., 2022).

Hasil dapatan menunjukkan bahawa para informan mempraktikkan strategi menangani seperti menyekat pembuli, melaraskan tetapan privasi dan mengabaikan pelaku dan ini telah menimbulkan hubungan antara strategi mengatasi dan penapisan sendiri di laman media sosial Instagram (Brevers & Turel, 2019; Byrne, 2021; Ong, 2021). Bukti-bukti pernyataannya adalah seperti berikut;

Jadual 15: Tindakan mengabaikan (tidak berdaya)

Tema 4	Tindakan mengabaikan (tidak berdaya)
<b>Tindakan apabila menerima gangguan seksual siber</b>	memang saya tak nak layan lah benda tu sebab bila kita melayan benda tu akan <i>encourage</i> dia... -Informan SW13
	saya tak jawab! Haaa saya tak jawab sebab saya tak nak panjangkan jawapan. Aaa kalau ikutkan saya memang nak jawab. Kalau ikutkan, kalau saya bukan dalam dunia ni, saya nak jawab je tapi sebab saya kena fikir tentang perasaan mak saya keluarga saya, kebanyakannya saya tak jawab... -Informan SW10
	Kita orang macam buat tak tahu sahaja... -Informan SW08
	Mulanya saya macam layan je... dia kata 'minat suara awak lah'...saya cakap terima kasih....tapi lama-lama tu dia macam 'saya ni minat sejenis... <i>sorry lah</i> kalau awak tak selesa ke apa'... dari situ kita <i>stop</i> ... jangan layan... -Informan SW01
	Saya macam buat tak tahu. Saya macam "apa benda lah kau ni"... Saya tengok <i>account</i> dia terfikir, "kenapa kau buat macam ni ah? Asal jadi macam ni?"... Ooo... <i>fake account</i> ... -Informan SL09
	Saya buat tak layan tahu... saya tahu benda itu... saya <i>ignore</i> sahaja... -Informan SL06
...bagi saya nak hantar, kita tak layan lah haa... - Informan SL05	
Saya tak buat apa-apa... saya tengok sahaja lah... hehehe tak <i>stress</i> ...okey lah...kadang-kadang cuci mata kan....hahahah....eh tak lah... tak ada tak ada...buat tak tahu sahaja... - Informan SL09	

Jadual 16: Tindakan sekat pelaku

Tema 4	Tindakan sekat pelaku
<b>Tindakan apabila menerima gangguan seksual siber</b>	... <i>block</i> supaya tak dapat lagi daripada dia...-Informan SW12
	...tapi bagi saya, kita anggap saja\ dia mental... <i>Block</i> sahaja... sebab malas nak panjang-panjangkan cerita... -Informan SW11
	so terus <i>I decline and block</i> ..... <i>I</i> tak layan benda benda macam tu... tak.. <i>no</i> ... <i>I</i> tak <i>reply</i> ... sebab kita kan boleh <i>allow</i> ... kita boleh <i>decline</i> ... kalau kita <i>allow and we read</i> ... orang tu akan nampak kita <i>seen</i> ... tapi <i>I</i> tak <i>allow</i> ... -Informan SW07
Saya memang tak akan <i>reply and</i> terus <i>block</i> sebab saya tak nak negativity tu macam <i>surround myself</i> la...-Informan SW02	

Jadual 18: Tindakan membuat *report user* beramai-ramai dengan pengikut

Tema 4	Tindakan membuat <i>report user</i> beramai-ramai dengan pengikut
<b>Tindakan apabila menerima gangguan seksual siber</b>	My reaction was saya akan <i>immediately report user</i> di Instagram... -Informan SW12



Jadual 20: Tindakan membuat hantaran kesedaran mengenai gangguan seksual siber

Tema 4	Tindakan membuat hantaran kesedaran mengenai gangguan seksual siber
Tindakan apabila menerima gangguan seksual siber	...saya akan <i>post</i> satu <i>content</i> dekat <i>insta story</i> di mana saya <i>persuade people</i> lah untuk tidak terjebak dengan benda-benda ni lah, untuk hantar benda-benda yang tak elok <i>and for those</i> yang ada dapat benda-benda ni juga, <i>how to deal</i> . Macam saya, saya <i>deal</i> saya <i>block and report</i> . <i>I think like it's necessary</i> untuk saya, orang kata risau lah sebenarnya... -Informan SW12

### KESIMPULAN

Dalam kajian ini, informan mengalami gangguan seksual siber di laman media sosial Instagram. Informan mengalami gangguan seksual siber melalui ciri mesej langsung (*direct message*). Gangguan melalui video dirasakan oleh informan SW08 dan gangguan melalui ciri mesej langsung turut dideritai oleh majoriti informan. Berdasarkan data yang diperolehi daripada mangsa gangguan seksual siber di laman media sosial Instagram, jenis gangguan merangkumi siaran imej yang melibatkan organ intim pelaku melalui mesej langsung, soalan yang membawa kepada isu seksual yang diterima oleh mangsa melalui mesej langsung Instagram, dan jemputan ke hubungan seksual. Informan kajian turut menerima gangguan daripada lelaki dan wanita menggunakan akaun palsu. Walaubagaimanapun, sebahagian daripada mangsa juga mengalami gangguan ini daripada pelaku dari kategori golongan remaja. Seperti yang diketahui umum, mesej Langsung ialah ciri Instagram untuk berinteraksi antara manusia melalui mesej. Namun, dapatan kajian ini mendapati informan turut menyatakan yang pelaku menghantar lebih daripada satu imej tidak senonoh kepada informan melalui mesej langsung.

Dalam era globalisasi, masyarakat tidak mahu dilabelkan sebagai ketinggalan zaman dalam dunia teknologi. Disebabkan hal ini, selebriti turut menggunakan teknologi atas desakan globalisasi tanpa memikirkan ancaman dan keselamatan ketika melayari laman media sosial (Pitchan et al., 2019). Dapatan menunjukkan majoriti informan menyatakan bahawa mereka pernah menjadi mangsa buli siber dengan menerima gangguan seksual siber di laman media sosial Instagram. Ini menunjukkan bahawa mangsa buli siber bukan hanya dalam kalangan kanak-kanak malah turut berlaku kepada orang dewasa terutamanya dalam kalangan selebriti (Saengprang & Gadavanij, 2021). Kajian lepas turut membuktikan bahawa lelaki turut menjadi mangsa gangguan seksual siber (Adams et al., 2020; Ellyna, 2022; Vogels, 2021).

Menurut informan terdapat empat kategori pelaku buli siber jenis gangguan seksual siber ini iaitu terdiri daripada lelaki, wanita, tidak diketahui jantina dan juga golongan remaja di bawah umur yang masih bersekolah. Selain itu, majoriti pelaku tidak menggunakan akaun laman media sosial Instagram mereka yang sebenar atau turut dikenali sebagai tanpa nama (Abaido, 2020; Barrett-Maitland & Lynch, 2020). Tanpa nama merujuk kepada tahap identiti seseorang tidak diketahui (Jain, Sahoo, & Kaubiyal, 2021). Walaubagaimanapun, sukar bagi pelaku untuk menyembunyikan identiti mereka ketika buli secara berdepan kerana mangsa sentiasa dapat mengenali rupa dan suara pelaku.

Sebaliknya, pelaku buli siber pula boleh kekal tanpa nama atau mencipta nama samaran ketika melayari laman media sosial (Chan, Cheung, & Lee, 2021). Walaupun Instagram memerlukan pengguna menggunakan hanya nama sah dan gambar sebenar, namun pelaku masih boleh menggunakan identiti palsu untuk membuat akaun alternatif tanpa nama. Seterusnya, hasil kajian ini telah menyenaraikan tujuh kesan emosi akibat

menjadi mangsa gangguan seksual siber ini. Kesan emosi mangsa buli siber jenis gangguan seksual siber ini terdiri daripada merasa terganggu, tertekan, merasa trauma seperti ada orang yang ingin jatuhkan reputasi, marah, rasa diperhatikan dan mangsa juga merasa sakit hati akibat gangguan seksual siber. Walaubagaimanapun, terdapat juga informan yang tidak merasa apa-apa dengan gangguan seksual siber ini.

Kajian ini adalah salah satu kajian eksplorasi yang mengkaji kesan emosi dan tindakan dalam kalangan selebriti yang terlibat dalam buli siber sebagai mangsa gangguan seksual siber. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat banyak kesan emosi yang dialami oleh selebriti dan selebriti juga turut menggunakan pelbagai jenis tindakan bagi menangani isu buli siber dalam kategori gangguan seksual siber ini. Ini bermakna penggunaan satu jenis tindakan tertentu tidak menghalang selebriti dalam penggunaan jenis tindakan yang lain. Tindakan-tindakan ini masih perlu dikaji sama ada ianya berkesan ataupun tidak berkesan. Penemuan lain ialah tindakan menangani adalah berkaitan dengan kemungkinan keterlibatan selebriti dalam aktiviti buli siber. Manakala, kesediaan untuk menggunakan/mempraktikkan tindakan tidak produktif (iaitu, tidak berdaya) adalah positif dikaitkan dengan penglibatan dalam buli siber dan daya tindak produktif (iaitu, daya tahan teknikal) menunjukkan hasil yang bercampur-campur.

Penemuan kajian ini amat relevan dengan sorotan literatur yang terhad mengenai tindakan pengendalian buli siber untuk melawan gangguan seksual siber dalam kalangan selebriti. Kajian sebegini harus diberi keutamaan agar ianya membantu mangsa buli siber yang terlibat bagi mengambil tindakan yang lebih berstrategi sekaligus untuk mengelak daripada menggunakan dendam dalam menangani situasi buli siber ini dan sekaligus memperkasakan mangsa buli siber agar tidak berasa tidak berdaya dalam mengendalikan situasi buli siber yang dialami.

#### BIODATA

*Liyana Mohd Ramly* adalah pelajar pengajian Doktor Falsafah di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau adalah Pensyarah di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam bidang Komunikasi Liberal. Email: [liyana\\_ramly@uitm.edu.my](mailto:liyana_ramly@uitm.edu.my)

*Dr. Mohd Azul Mohamad Salleh* adalah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang kepakaran beliau adalah media baharu dan teknologi komunikasi. Email: [azul@ukm.edu.my](mailto:azul@ukm.edu.my)

RUJUKAN

- Abaido, G. M. (2020). Cyberbullying on social media platforms among university students in the United Arab Emirates. *International Journal of Adolescence and Youth*, 25(1), 407–420. <https://doi.org/10.1080/02673843.2019.1669059>
- Abrams, L. S. (2010). Sampling ‘hard to reach’ populations in qualitative research: The case of incarcerated youth. *Qualitative Social Work*, 9(4), 536–550. <https://doi.org/bvjkmd>
- Adams, L., Hilger, L., Moselen, E., Basi, T., Gooding, O., & Hull, J. (2020). *2020 sexual harassment survey: Government Equalities Office*. IFF Research. [https://assets.publishing.service.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment\\_data/file/1002873/2021-07-12\\_Sexual\\_Harassment\\_Report\\_FINAL.pdf](https://assets.publishing.service.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment_data/file/1002873/2021-07-12_Sexual_Harassment_Report_FINAL.pdf)
- Ahmadi, A., Fakhimi, S., & Ahmadi, Y. (2022). Instagram celebrities and positive user responses. The mediating role of user “like.” *Journal of Contemporary Marketing Science*, 5(1), 65–80. <https://doi.org/10.1108/jcmars-01-2021-0002>
- Alavi, K., Mahbob, M. H., & Soeed, M. S. A. (2020). Strategi komunikasi penjenayah cinta siber terhadap wanita profesional. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(3), 296–311. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2020-3603-18>
- Alkhalil, Z., Hewage, C., Nawaf, L., & Khan, I. (2021). Phishing attacks: A recent comprehensive study and a new anatomy. *Frontiers in Computer Science*, 3, 563060. <https://www.frontiersin.org/article/10.3389/fcomp.2021.563060>
- Bernama. (2018, April 18). Celebrities do their bit in anti-cyberbullying campaign. *Borneo Post Online*. <https://www.theborneopost.com/2018/04/18/celebrities-do-their-bit-in-anti-cyberbullying-campaign/>
- Appel, G., Grewal, L., Hadi, R., & Stephen, A. T. (2020). The future of social media in marketing. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 48(1), 79–95. <https://doi.org/gghfx5>
- Aryani Ahmad Latiffi, Siti Syakirah Mat Nawawi, & Kamalludin Bilal. (2020). Personal wanita dalam industri pembinaan: Bentuk dan kesan gangguan seksual dari aspek fizikal, mental dan psikologi. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 635–646. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/556>
- Auriemma, V., Lorio, G., Roberti, G., & Morese, R. (2020). Cyberbullying and empathy in the age of hyperconnection: An interdisciplinary approach. *Frontiers in Sociology*, 5, 551881. <https://doi.org/10.3389/fsoc.2020.551881>
- Barrett-Maitland, N., & Lynch, J. (2020). Social media, ethics and the privacy paradox. In C. Kalloniatis & C. Travieso-Gonzalez (Eds.), *Security and privacy from a legal, ethical, and technical perspective*. Rijeka: IntechOpen. <https://doi.org/10.5772/intechopen.90906>
- Basu, P., Singha Roy, T., Tiwari, S., & Mehta, S. (2021). CyberPolice: Classification of cyber sexual harassment. In G. Marreiros, F. S. Melo, N. Lau, H. Lopes Cardoso, & L. P. Reis (Eds.), *Progress in artificial intelligence* (pp. 701–714). Cham: Springer International Publishing.
- Bates, P. (2021, October). Does Instagram read your texts and direct messages? *MUO: Make Use Of*. <https://www.makeuseof.com/does-instagram-read-texts-dms/>
- Bondestam, F., & Lundqvist, M. (2020). Sexual harassment in higher education – A systematic review. *European Journal of Higher Education*, 10(4), 397–419. <https://doi.org/gg96pz>
- Bongiorno, R., Langbroek, C., Bain, P. G., Ting, M., & Ryan, M. K. (2020). Why women are blamed for being sexually harassed: The effects of empathy for female victims and male perpetrators. *Psychology of Women Quarterly*, 44(1), 11–27. <https://doi.org/10.1177/0361684319868730>

- Braun, V., & Clarke, V. (2019). Reflecting on reflexive thematic analysis. *Qualitative Research in Sport, Exercise and Health*, 11(4), 589–597. <https://doi.org/gf89jz>
- Brevers, D., & Turel, O. (2019). Strategies for self-controlling social media use: Classification and role in preventing social media addiction symptoms. *Journal of Behavioral Addictions*, 8(3), 554–563. <https://doi.org/10.1556/2006.8.2019.49>
- Buchanan, N. T., Settles, I. H., Wu, I. H. C., & Hayashino, D. S. (2018). Sexual harassment, racial harassment, and well-being among Asian American women: An intersectional approach. *Women & Therapy*, 41(3–4), 261–280. <https://doi.org/gpjs98>
- Buchanan, T. (2020). Why do people spread false information online? The effects of message and viewer characteristics on self-reported likelihood of sharing social media disinformation. *PLoS ONE*, 15(10), 1–33. <https://doi.org/gh4dww>
- Bugueño, M., & Mendoza, M. (2020). Learning to detect online harassment on Twitter with the transformer. In P. Cellier & K. Driessens (Eds.), *Machine learning and knowledge discovery in databases* (pp. 298–306). Cham: Springer International Publishing.
- Burn, S. M. (2019). The psychology of sexual harassment. *Teaching of Psychology*, 46(1), 96–103. <https://doi.org/10.1177/0098628318816183>
- Busetto, L., Wick, W., & Gumbinger, C. (2020). How to use and assess qualitative research methods. *Neurological Research and Practice*, 2(14). <https://doi.org/gpq5kh>
- Byrne, V. L. (2021). Blocking and self-silencing: Undergraduate students' cyberbullying victimization and coping strategies. *TechTrends*, 65(2), 164–173. <https://doi.org/j3wq>
- Calhoun, A. J., & Gold, J. A. (2020). "I feel like i know them": The positive effect of celebrity self-disclosure of mental illness. *Academic Psychiatry*, 44, 237–241. <https://doi.org/10.1007/s40596-020-01200-5>
- Chan, T. K. H., Cheung, C. M. K., & Lee, Z. W. Y. (2021). Cyberbullying on social networking sites: A literature review and future research directions. *Information & Management*, 58(2), 103411. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.im.2020.103411>
- Chen, M., Xie, Z., Zhang, J., & Li, Y. (2021). Internet celebrities' impact on luxury fashion impulse buying. *Journal of Theoretical and Applied Electronic Commerce Research*, 16(6), 2470–2489. <https://doi.org/10.3390/jtaer16060136>
- Cuncic, A. (2022, February 19). The psychology of cyberbullying. *Verywell Mind*. <https://www.verywellmind.com/the-psychology-of-cyberbullying-5086615>
- DeJonckheere, M., & Vaughn, L. M. (2019). Semistructured interviewing in primary care research: A balance of relationship and rigour. *Family Medicine and Community Health*, 7(2), e000057. <https://doi.org/10.1136/fmch-2018-000057>
- Djafarova, E., & Rushworth, C. (2017). Exploring the credibility of online celebrities' Instagram profiles in influencing the purchase decisions of young female users. *Computers in Human Behavior*, 68, 1–7. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.chb.2016.11.009>
- Dovi, A. T. (2021, June). Sexual harassment and sexual bullying. *Nemours Teens Health*. <https://kidshealth.org/en/teens/harassment.html>
- Dwivedi, Y. K., Ismagilova, E., Hughes, D. L., Carlson, J., Filieri, R., Jacobson, J., ... & Wang, Y. (2021). Setting the future of digital and social media marketing research: Perspectives and research propositions. *International Journal of Information Management*, 59, 102168. <https://doi.org/10.1016/j.ijinfomgt.2020.102168>
- El-Dakhs, D. A. S. (2020). How do celebrities respond to criticism in media interviews? The case of an Egyptian TV show. *Cogent Arts & Humanities*, 7(1), 1712159. <https://doi.org/10.1080/23311983.2020.1712159>

- Ellyna, A. (2022, April 7). Lelaki juga jadi mangsa gangguan seksual – Fikry Ibrahim. *Getaran*. <https://www.getaran.my/artikel/selebri/21961/lelaki-juga-turut-jadi-mangsa-gangguan-seksual-fikry-ibrahim>
- Ferreira, A. G., Crespo, C. F., & Mendes, C. (2022). Effects of athletic performance and marketable lifestyle on consumers' engagement with sport celebrity's social media and their endorsements. *International Journal of Sports Marketing and Sponsorship*, 23(2), 259–277. <https://doi.org/10.1108/IJSMS-12-2020-0211>
- Franssen, G. (2020). The celebritization of self-care: The celebrity health narrative of Demi Lovato and the sickscape of mental illness. *European Journal of Cultural Studies*, 23(1), 89–111. <https://doi.org/10.1177/1367549419861636>
- Ghani, N., & Ghazali, S. (2021). Impak media sosial terhadap gangguan seksual atas talian dalam kalangan wanita muda. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(3), 123–136. <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1703-09>
- Gordon, S. (2022, July 22). The real-life effects of cyberbullying on children. *Verywell Family*. <https://www.verywellfamily.com/what-are-the-effects-of-cyberbullying-460558>
- Guest, G., Namey, E., & Chen, M. (2020). A simple method to assess and report thematic saturation in qualitative research. *PLoS ONE*, 15(5), 1–17. <https://doi.org/ghdr3p>
- Hamzah, I. S. (2021). Keselamatan peribadi di Facebook: Ancaman dan penyelesaian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(1), 379–395. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2021-3701-22>
- Hennink, M., & Kaiser, B. N. (2022). Sample sizes for saturation in qualitative research: A systematic review of empirical tests. *Social Science & Medicine*, 292, 114523. <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2021.114523>
- Hoffman, S. J., & Tan, C. (2015). Biological, psychological and social processes that explain celebrities' influence on patients' health-related behaviors. *Archives of Public Health*, 73(3). <https://doi.org/10.1186/2049-3258-73-3>
- Jacobson, R. K., & Eaton, A. A. (2018). How organizational policies influence bystander likelihood of reporting moderate and severe sexual harassment at work. *Employee Responsibilities and Rights Journal*, 30(1), 37–62. <https://doi.org/ghftqc>
- Jain, A. K., Sahoo, S. R., & Kaubiya, J. (2021). Online social networks security and privacy: comprehensive review and analysis. *Complex & Intelligent Systems*, 7(5), 2157–2177. <https://doi.org/10.1007/s40747-021-00409-7>
- Joda, A., & Jodha, A. (2022, September 6). 23 celebrities talk about social media anxiety and why they quit the internet. *Slice*. <https://www.slice.ca/20-celebrities-talk-about-social-media-anxiety-and-why-they-quit-the-internet/>
- Kanja, K. (2020, February 18). Six celebrities who have faced cyber bullying. *The Standard*. <https://www.standardmedia.co.ke/entertainment/news/article/2001360886/six-celebrities-who-have-faced-cyber-bullying>
- Kaur, M., & Saini, M. (2022). Indian government initiatives on cyberbullying: A case study on cyberbullying in Indian higher education institutions. *Education and Information Technologies*, 28, 581–615. <https://doi.org/10.1007/s10639-022-11168-4>
- Lazarus, R. S., & Folkman, S. (1987). Transactional theory and research on emotions and coping. *European Journal of Personality*, 1(3), 141–169. <https://doi.org/b2fk85>
- Lorenz, T., & Dwoskin, E. (2022, April 6). Some women shared the messages they get on Instagram. It's not pretty. *The Washington Post*.

- Mattos, K. (2022, July). Celebrities that have suffered from cyberbullying. *JGuru*. <https://www.jguru.com/celebrities-that-have-suffered-from-cyberbullying/>
- Meldrum, R. C., Patchin, J. W., Young, J. T. N., & Hinduja, S. (2022). Bullying victimization, negative emotions, and digital self-harm: Testing a theoretical model of indirect effects. *Deviant Behavior*, 43(3), 303–321. <https://doi.org/ghrkr8>
- Moreau, E. (2022, April 9). What is Instagram, and why should you be using it? *Lifewire*. <https://www.lifewire.com/what-is-instagram-3486316>
- Muellmann, S., Brand, T., Jürgens, D., Gansefort, D., & Zeeb, H. (2021). How many key informants are enough? Analysing the validity of the community readiness assessment. *BMC Research Notes*, 14(85). <https://doi.org/grnr2d>
- Never Okay Project. (2020). #NewAbnormal: Situasi perlecehan seksual di dunia kerja selama work from home (WFH). Jakarta: SafeNet. [https://neverokayproject.org/wp-content/uploads/2020/06/NewAbnormal\\_NOP-x-SAFENet\\_compressed.pdf](https://neverokayproject.org/wp-content/uploads/2020/06/NewAbnormal_NOP-x-SAFENet_compressed.pdf)
- Ong, E. (2021). Online repression and self-censorship: Evidence from Southeast Asia. *Government and Opposition*, 56(1), 141–162. <https://doi.org/gnn9qd>
- Ouvrein, G., Pabian, S., Machimbarrena, J. M., Erreygers, S., De Backer, C. J. S., & Vandebosch, H. (2018). Setting a bad example: Peer, parental, and celebrity norms predict celebrity bashing. *The Journal of Early Adolescence*, 39(7), 937–961. <https://doi.org/gd54xp>
- Petropoulos, F., Apiletti, D., Assimakopoulos, V., Babai, M. Z., Barrow, D. K., Ben Taieb, S., ... & Ziel, F. (2022). Forecasting: Theory and practice. *International Journal of Forecasting*, 38(3), 705–871. <https://doi.org/10.1016/j.ijforecast.2021.11.001>
- Pitchan, M. A., Omar, S. Z., & Ahmad Ghazali, A. H. (2019). Amalan keselamatan siber pengguna internet terhadap buli siber, pornografi, e-mel phishing dan pembelian dalam talian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(3), 212–227. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2019-3503-13>
- Plexousakis, S. S., Kourkoutas, E., Giovazolias, T., Chatira, K., & Nikolopoulos, D. (2019). School bullying and post-traumatic stress disorder symptoms: The role of parental bonding. *Frontiers in Public Health*, 7, 75. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2019.00075>
- Raifman, S., DeVost, M. A., Digitale, J. C., Chen, Y.-H., & Morris, M. D. (2022). Respondent-driven sampling: A sampling method for hard-to-reach populations and beyond. *Current Epidemiology Reports*, 9(1), 38–47. <https://doi.org/j3wv>
- Rajbhandari, J., & Rana, K. (2022). Cyberbullying on social media: An analysis of teachers' unheard voices and coping strategies in Nepal. *International Journal of Bullying Prevention*. <https://doi.org/10.1007/s42380-022-00121-1>
- Ramly, L. M., Salleh, M. A. M., & Ali, M. N. S. (2021). Selebriti dan pemasaran digital: Kepentingan penglibatan selebriti di laman media sosial Instagram. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(11), 51 - 65. <https://doi.org/j3ww>
- Reed, E., Wong, A., & Raj, A. (2020). Cyber sexual harassment: A summary of current measures and implications for future research. *Violence Against Women*, 26(12–13), 1727–1740. <https://doi.org/10.1177/1077801219880959>
- Renuat, A., & Kusumaningtyas, R. (2022). Self-concept of victims of cybersexual harassment on Instagram. *Proceedings of the International Conference on Community Empowerment and Engagement (ICCEE 2021)* (pp. 25–32). <https://doi.org/j3wx>
- Saengprang, S., & Gadavanij, S. (2021). Cyberbullying: The case of public figures. *LEARN Journal: Language Education and Acquisition Research Network*, 14(1), 344–369. <https://so04.tci-thaijo.org/index.php/LEARN/article/view/248694>



- Saha, K., Chandrasekharan, E., & De Choudhury, M. (2019). Prevalence and psychological effects of hateful speech in online college communities. *Proceedings of the 10th ACM Conference on Web Science* (pp. 255–264). New York, USA: Association for Computing Machinery. <https://doi.org/10.1145/3292522.3326032>
- Saladino, V., Eleuteri, S., Verrastro, V., & Petrucelli, F. (2020). Perception of cyberbullying in adolescence: A brief evaluation among Italian students. *Frontiers in Psychology, 11*, 607225. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.607225>
- Schouten, A. P., Janssen, L., & Verspaget, M. (2020). Celebrity vs. influencer endorsements in advertising: The role of identification, credibility, and product-endorser fit. *International Journal of Advertising, 39*(2), 258–281. <https://doi.org/gjhfzp>
- Sebyan Black, I., & Fennelly, L. J. (Eds.). (2021). Chapter 19 - Cybercrimes and investigations. In, *Investigations and the Art of the Interview* (Fourth Edition) (pp. 173–177). Boston: Butterworth-Heinemann. <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-822192-1.00020-9>
- Selkie, E. (2022). Influence at the intersection of social media and celebrity. *JAMA Network Open, 5*(1), e2143096. <https://doi.org/10.1001/jamanetworkopen.2021.43096>
- Sim, J., Saunders, B., Waterfield, J., & Kingstone, T. (2018). Can sample size in qualitative research be determined a priori? *International Journal of Social Research Methodology, 21*(5), 619-634. <https://doi.org/10.1080/13645579.2018.1454643>
- Siti Athirah Dzulkiyly. (2021, November 21). Dunia seni: Realiti gangguan seksual. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/gaya/2021/11/dunia-seni-realiti-gangguan-seksual/>
- Skilbred-Fjeld, S., Reme, S. E., & Mossige, S. (2020). Cyberbullying involvement and mental health problems among late adolescents. *Cyberpsychology: Journal of Psychosocial Research on Cyberspace, 14*(1), Article 5. <https://doi.org/10.5817/CP2020-1-5>
- Throuvala, M. A., Griffiths, M. D., Rennoldson, M., & Kuss, D. J. (2021). Perceived challenges and online harms from social media use on a severity continuum: A qualitative psychological stakeholder perspective. *International Journal of Environmental Research and Public Health, 18*(6), 3227. <https://doi.org/10.3390/ijerph18063227>
- Vasileiou, K., Barnett, J., Thorpe, S., & Young, T. (2018). Characterising and justifying sample size sufficiency in interview-based studies: Systematic analysis of qualitative health research over a 15-year period. *BMC Medical Research Methodology, 18*, 148. <https://doi.org/10.1186/s12874-018-0594-7>
- Vogels, E. A. (2021, January 13). The state of online harassment. *Pew Research Center*. <https://www.pewresearch.org/internet/2021/01/13/the-state-of-online-harassment/>
- Von Felbert, A., & Breuer, C. (2022). The influence of multiple combinations of celebrity endorsers on consumers' intentions to purchase a sports-related product. *Sport, Business and Management: An International Journal, 12*(4), 440–458.
- Wachs, S., Gámez-Guadix, M., Wright, M. F., Görzig, A., & Schubarth, W. (2020). How do adolescents cope with cyberhate? Psychometric properties and socio-demographic differences of coping with cyberhate scale. *Computers in Human Behavior, 104*, 106167. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2019.106167>
- Wachs, S., Machimbarrena, J. M., Wright, M. F., Gámez-Guadix, M., Yang, S., Sittichai, R., ... & Krause, N. (2022). Associations between coping strategies and cyberhate involvement: Evidence from adolescents across three world regions. *International Journal of Environmental Research and Public Health, 19*(11), 6749. <https://doi.org/j3w2>

- Wang, L., & Ngai, S. S. (2020). The effects of anonymity, invisibility, asynchrony, and moral disengagement on cyberbullying perpetration among school-aged children in China. *Children and Youth Services Review, 119*, 105613. <https://doi.org/ghp48q>
- Wang, M. J., Yogeeswaran, K., Andrews, N. P., Hawi, D. R., & Sibley, C. G. (2019). How common is cyberbullying among adults? Exploring gender, ethnic, and age differences in the prevalence of cyberbullying. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking, 22*(11), 736–741. <https://doi.org/10.1089/cyber.2019.0146>
- Wells, M., Mitchell, K. J., Jones, L. M., & Turner, H. A. (2019). Peer harassment among youths with different disabilities: Impact of harassment online, in person, and in mixed online and in-person incidents. *Children & Schools, 41*(1), 17–24. <https://doi.org/j3w3>
- Yang, X., Wang, Z., Chen, H., & Liu, D. (2018). Cyberbullying perpetration among Chinese adolescents: The role of interparental conflict, moral disengagement, and moral identity. *Children and Youth Services Review, 86*, 256–263. <https://doi.org/gdcwnb>
- Zhao, L., & Yu, J. (2021). A meta-analytic review of moral disengagement and cyberbullying. *Frontiers in Psychology, 12*, 681299. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.681299>
- Zhong, J., Zheng, Y., Huang, X., Mo, D., Gong, J., Li, M., & Huang, J. (2021). Study of the influencing factors of cyberbullying among Chinese college students incorporated with digital citizenship: From the perspective of individual students. *Frontiers in Psychology, 12*, 621418. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.621418>
- Zhu, C., Huang, S., Evans, R., & Zhang, W. (2021). Cyberbullying among adolescents and children: A comprehensive review of the global situation, risk factors, and preventive measures. *Frontiers in Public Health, 9*, 634909. <https://doi.org/gihznp>